

PM minta jangan politikkan isu sebab pendidikan penting bagi generasi muda

# Bl: Tiada siapa teraniaya

UM 10 OCT 2002

Oleh ISMAIL DAUD  
dan MARHAINI KAMARUDDIN

**K**UALA LUMPUR 9 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan pelajar dan guru tidak akan teraniaya dan identiti kaum tidak akan lenyap apabila kerajaan melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan kini sedang mengkaji sedalam-dalamnya perkara itu dengan meneliti setiap cadangan dan pandangan sama ada daripada pemimpin politik, pertubuhan bukan kerajaan, ibu bapa mahupun pelajar.

● **Lagi laporan dan gambar — Muka 2 dan 15**

Beliau meminta semua pihak supaya tidak mempolitikkan isu tersebut kerana pendidikan amat penting kepada masa depan generasi muda dan negara ini.

Menurutnya, ini kerana cadangan pengajaran kedua-dua subjek itu dalam bahasa Inggeris mempunyai kesan yang besar terhadap masa depan generasi muda.

“Sama ada mereka berjaya atau tidak, bergantung kepada apa yang kita buat pada hari ini terutama dalam bidang pendidikan.

“Kalau kita sayangkan anak-anak kita, jangan gunakan isu pendidikan ini sebagai isu politik. Jangan gadai masa depan anak-anak kita,” katanya ketika berucap pada majlis ‘Terima Kasih Perdana Menteri Ku’ anjuran Gabungan Ikatan Persatuan Cina

■ **Lihat muka 4**

Malaysia di Stadium Putra, Bukit Jalil di sini malam ini.

Lebih 10,000 orang daripada 500 persatuan Cina seluruh negara, beberapa persatuan belia dan kesatuan sekerja menghadiri majlis tersebut.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut hadir.

Dr. Mahathir berkata, guru-guru juga tidak perlu bimbang dengan pelaksanaan cadangan kerajaan itu kerana tidak seorang pun daripada mereka akan diberhentikan.

Katanya, walaupun guru itu tidak fasih berbahasa Inggeris tetapi dengan penggunaan komputer dan perisian mata pelajaran, guru bukan sahaja boleh belajar malah dapat memperbaiki kemahiran bahasa Inggeris mereka.

“Kerajaan tidak ada niat untuk memberhentikan guru. Mereka boleh terus bekerja dan naik pangkat tetapi kena mengajar dengan cara yang baru ini,” jelasnya.

## Bl: Tiada siapa teraniaya

Dr. Mahathir seterusnya meminta semua pihak supaya menimbangkan cadangan kerajaan itu dengan fikiran yang waras dan terbuka demi masa depan generasi muda dan negara.

Beliau menjelaskan, sehingga kini, kerajaan belum membuat keputusan berhubung cadangan itu kerana menyedari kesukaran yang akan dihadapi apabila perkara itu dilaksanakan kelak.

“Kita sedar bahawa bukan mudah untuk beralih daripada bahasa Melayu, bahasa Cina atau bahasa Tamil ke bahasa Inggeris secara serentak untuk ribuan murid,” katanya.

Apa yang kerajaan harapkan ialah sokongan daripada semua pihak terhadap usaha itu dengan memberikan pandangan mereka supaya keputusan yang terbaik akan dibuat.

“Kita akan kaji sama ada boleh atau tidak, mampu atau tidak, komputer cukup atau tidak, perisian baik atau tidak. Selepas dikaji, kita akan buat keputusan dan berharap rakyat akan terima,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, penggunaan bahasa Inggeris tidak akan menghilangkan identiti dan budaya mana-mana kaum di Malaysia.

Katanya, penggunaan bahasa Inggeris juga tidak akan menghapuskan identiti mana-mana sekolah di negara ini kerana semua sekolah dilindungi oleh undang-undang.

“Saya bersekolah Melayu selama dua tahun sebelum meneruskan pelajaran sehingga ke universiti dalam bahasa Inggeris tetapi saya masih seratus peratus Melayu, seratus peratus rakyat Malaysia” katanya.

Dalam ucapannya juga, Dr. Mahathir sekali lagi mengingatkan bahawa penguasaan bahasa Inggeris amat penting kerana dalam era sains dan teknologi hari ini, semua ilmu baru dihasilkan dalam bahasa Inggeris.

Tanpa ilmu yang baru itu, katanya, rakyat Malaysia akan ketinggalan dan hasrat untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tidak akan berjaya.